

16 NOV 2000

Mahathir-Pindaan

MAHATHIR TERIMA KEPUTUSAN MT BATAL CADANGAN PINDAAN

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau menerima keputusan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini yang memutuskan untuk terus mengekalkan tempoh pemilihan bagi jawatan MT dan bahagian kepada tiga tahun sekali.

"Kalau pendapat majoriti macam itu, kita ikut sahajalah," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah sekembalinya dari Bandar Seri Begawan, Brunei selepas menghadiri sidang kemuncak pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Beliau berkata, bahagian-bahagian sebelum ini tidak menyuarakan bantahan tetapi kemudian terdapat banyak suara yang tidak bersetuju dengan cadangan pindaan itu.

"Bahagian-bahagian nampak tiada bantahan, tetapi ramai yang suarakan tidak bersetuju, jadi kita tidak mahu benda itu terlekat (teruskan pindaan)," katanya.

Mesyuarat MT yang dipengerusikan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini memutuskan untuk membatalkan cadangan pindaan tempoh pemilihan itu, bukan mengikut tempoh penggal Dewan Rakyat seperti yang dicadangkan sebelum ini.

MT juga memutuskan untuk melanjutkan tempoh pemilihan bagi peringkat cawangan kepada tiga tahun sekali berbanding dua tahun ketika ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, cadangan untuk melanjutkan tempoh pegangan ketua bahagian dan anggota MT tidak bermaksud untuk membolehkan seseorang itu memegang jawatan dengan tempoh yang lama.

"Kita bukan nak pegang jawatan lama. Siapa pun kalau orang tak setuju dia pegang jawatan, orang tak undi," katanya.

Pelbagai peringkat dalam Umno termasuk Pergerakan Pemuda telah menyuarakan pendapat yang tidak bersetuju dengan cadangan untuk melanjutkan tempoh pemilihan jawatan MT dan bahagian itu.

Umno akan mengadakan Perhimpunan Agung Khas Sabtu ini bagi meminda beberapa perlembagaannya termasuk cadangan penubuhan Puteri Umno dan pemilihan peringkat cawangan kepada tiga tahun sekali berbanding dua tahun ketika ini.

-- BERNAMA

MHI RZS FAZ